




[Home](#) / [2025](#) / [June](#) / Perlembagaan Tapak Integrasi: UiTM Mukah Anjur Webinar Bersama Pakar Undang-Undang

## KONFERENS & SEMINAR

13/06/2025 / AZLAN YUSOF PUNING



# PENGAJARAN KOLABORATIF

PENGANTAR ETIKA DAN PERADABAN (IDA153)  
PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN (CTU152)

## PERLEMBAGAAN SEBAGAI TAPAK INTEGRASI ETIKA DAN PERADABAN DI MALAYSIA


TARIKH : 16 MEI 2025  
MASA : 2:30PM-5:30PM  
TEMPAT : GOOGLE MEET



**PUAN AIN SHUHADA AZAMAN**  
Ain Shuhada Associates

MUKAH, 9 Jun 2025 – Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menganjurkan pengajaran kolaboratif bertemakan “Perlembagaan Sebagai Tapak Integrasi dan Wahana Etika dan Peradaban di Malaysia” pada 16 Mei 2025. Program ini melibatkan subjek IDA153 (Pengantar Etika dan Peradaban) dan CTU152 (Penghayatan Etika dan Peradaban).

Webinar ini merupakan hasil kerjasama antara ACIS UiTM Mukah dan firma guaman Ain Shuhada Associates. Puan Ain Shuhada binti Azaman, seorang Peguam Syarie dari Tetuan Fahri Azzat & Co., telah dijemput sebagai penceramah utama. Manakala, Saudari Grace Elvinca Anak Nelson, mahasiswi IDA153 dari Diploma Pengajian Perniagaan UiTM Mukah, bertindak sebagai moderator.



Tujuan utama webinar selama dua jam ini adalah untuk mendedahkan mahasiswa-mahasiswi UiTM Mukah tentang peranan Perlembagaan Malaysia dalam memupuk perpaduan masyarakat. Peserta turut diperkenalkan dengan kandungan dan sejarah perlembagaan negara.

Dianggarkan seramai 124 orang pelajar semester 2 daripada pelbagai program diploma, termasuk Pengurusan Industri Perladangan, Teknologi Pengeluaran Herba, Teknologi Akuakultur, Pengajian Perniagaan, dan Pengajian Perbankan, telah menyertai webinar ini.

Secara keseluruhan, webinar ini telah memberikan pemahaman yang mendalam mengenai definisi, jenis, sejarah, kepentingan, dan peranan perlembagaan dalam mengatur kehidupan serta memupuk perpaduan masyarakat di Malaysia. Diharapkan program berinformatif sebegini dapat diteruskan pada masa hadapan.

[in Share](#) [f Share](#) [X Post](#)

Tags: [Ain Shuhada Associates](#), [Akademi Pengajian Islam Kontemporari \(ACIS\)](#), [Etika dan Peradaban](#), [Tetuan Fahri Azzat & Co.](#), [UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)



## QUICK LINKS

- [Ministry of Higher Education](#)
- [Academic Calendar](#)
- [Intake Calendar](#)
- [Graduate Quick Search](#)
- [Library](#)
- [UiTM Holdings](#)
- [WiFi UiTM](#)
- [E-Complaint](#)

## HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor Darul  
Ehsan  
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

